

Memasukkan model/subckt ke dalam Pspice.

Library untuk **Versi Pelajar/Penilaian** mempunyai bilangan model/subckt yang terhad. Beberapa model/subckt tambahan diperlukan dalam simulasi litar elektronik kuasa. Kita dibenarkan untuk menambah tidak lebih daripada 20 model baru ke dalam library Pspice. Model/subckt (*.lib) dan simbol (*.olb) yang dihasilkan perlu disimpan dalam Folder Userlib yang telah dikhaskan untuk tujuan berkenaan.

Untuk tujuan simulasi dalam litar elektronik kuasa, saya telah membina beberapa model/subckt yang diperlukan. Bagi membina sesuatu model kita perlu melakukan dua perkara: satu menulis model dalam bentuk teks mengikut *syntax* Pspice dan menyimpannya dalam fail dengan *extension* **.lib** (mana-mana *text editor* boleh digunakan untuk tujuan ini), dan kedua membuat simbol dengan menggunakan *symbol editor* (simbol editor boleh didapati semasa berada di dalam *capture editor*) dan menyimpannya dalam fail dengan *extension* **.olb**. Model/subckt yang telah saya bina tersimpan di dalam modelib1.lib dan modelib1.olb. Kedua-dua fail tersebut terkandung dalam modelib.zip di bawah:

[Modelib.zip](#)**new**

Langkah-langkah untuk memasukkan model/subckt ke dalam Pspice.

Langkah 1: Fail modelib1.lib dan fail modelib1.olb yang telah terbuka zipnya perlu dimasukkan ke dalam Folder Userlib:

C:/Program files/Orcad_Demo/Pspice/Userlib

Langkah 2: Setelah kedua-dua fail berkenaan di masukkan di dalam folder Userlib, anda perlu memberitahu Pspice di mana anda telah meletakkan modelib1.lib dan modelib1.olb itu. Jika tidak Pspice, seperti anda juga, sudah tentu tidak tau.

Caranya ialah: Pada *Capture editor*, klik menu bar **Pspice--> Edit Simulation profile--> Library-->** pada **Library file** sila **Browse** untuk mencari fail modelib1.lib yang terletak dalam *folder Userlib-->*klik **add as global**.

Langkah 3: Anda juga perlu memberitahu Pspice tempat letak modelib.olb. Caranya: Pada *Capture editor*, klik menu **Pspice--> Edit Simulation profile--> Library -->** pada **Library path** sila **Browse** untuk mencari fail modelib1.olb yang juga terletak dalam folder *userlib-->*Klik **OK**.

Peringatan :

Dua model yang ada dalam Modelib1 yang perlu digunakan untuk assignment#1:

D (diode) dan SCR (thyristor).
Sekiranya ada diod lain atau SCR lain dalam skematik litar rectifier anda, sila tukar dengan diod dan SCR. Perhatikan juga bahawa diod D dan SCR yang digunakan datangnyanya dari Folder Userlib.